

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PERSEKOLAHAN BAIDUNITA UNTUK  
PELAJAR SEKOLAH NEGERI PERLIS 1994  
Lokasi : SEKOLAH NEGERI PERLIS  
Tarikh : 13-01-1994

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan kehendak-Nya maka kita dapat berkumpul bagi menjayakan Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan BAIDUNITA Perlis pada hari ini.

2. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada semua hadirin, khususnya BAIDUNITA Negeri Perlis kerana memberi kesempatan kepada saya untuk berucap dalam majlis amal yang amat bermakna ini.

3. Majlis hari ini bertujuan untuk menyampaikan bantuan dan sumbangan persekolahan dari BAIDUNITA kepada sebilangan pelajar sekolah menengah dan rendah yang kurang berkemampuan di negeri ini.

4. Kita seharusnya bersyukur dan berbangga kerana adanya badan amal yang sanggup menghulurkan sumbangan kepada mereka yang memerlukan bantuan. Sumbangan ini adalah bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar bagi menjelaskan yuran peperiksaan dan yuran persekolahan mereka pada tahun ini. Adalah diharapkan bahawa sumbangan ini juga dapat membantu pelajar-pelajar menampung sedikit sebanyak pelbagai bayaran dan perbelanjaan lain bagi sesi persekolahan baru tahun 1993/1994. Sumbangan dan bantuan yang dihulurkan oleh BAIDUNITA ini jelas membuktikan bahawa BAIDUNITA Negeri Perlis sanggup membantu mereka yang kurang bernasib baik. Langkah seperti ini akan memupuk sikap masyarakat yang penyayang dan prihatin. Saya juga difahamkan bahawa majlis seperti hari ini akan dijadikan sebagai aktiviti tahunan.

Sekali lagi saya ucapkan syabas di atas usaha murni ini.

5. Kepada semua Pengetua dan Guru Besar serta guru, saya berharap mereka akan membuat penyeliaan ke atas pelajar-pelajar yang menerima sumbangan pada hari ini supaya pelajar-pelajar tidak mensia-siakan sumbangan masyarakat dan agar mereka dapat diasuh, dibimbing dan dididik dengan sempurna demi menjamin kelahiran generasi muda yang berilmu, berakhlak tinggi, bersopan, mulia dan terpuji.

6. Saya berharap pelajar-pelajar akan berusaha membalas jasa baik BAIDUNITA dengan menentukan bahawa mereka mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang. Jadikanlah sumbangan ini sebagai penggerak untuk membawa pelajar-pelajar semua ke tangga kejayaan dan kecemerlangan.

7. Saya juga mengambil kesempatan ini menyeru kepada puan-puan dan tuan-tuan agar memberi sepenuh kerjasama dan bantuan kepada BAIDUNITA kerana tanpa kerjasama puan-puan dan tuan-tuan, maka pertubuhan ini tidak mungkin dapat bergerak dengan cekap untuk mencapai matlamatnya. Saya berharap semoga BAIDUNITA Negeri Perlis akan terus aktif dan bergerak di dalam pelbagai kerja amal dan sumbang bakti kepada mereka yang memerlukan bantuan.

8. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini, khasnya kepada semua ahli BAIDUNITA Negeri Perlis dan Jabatan Pendidikan Perlis.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.